

14 AUG 1998

Dompok-PDS

PENTING BN TERUS MEMERINTAH SABAH, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 14 Ogos (Bernama) -- Adalah penting bagi Barisan Nasional (BN) untuk terus memerintah Sabah jika rakyat negeri itu tidak mahu ketinggalan menikmati pembangunan yang lebih terjamin pada tahun-tahun akan datang, kata Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau berkata perkara BN terus memerintah Sabah sehingga dan selepas Wawasan 2020 adalah antara yang paling kritikal perlu direnung rakyat Sabah apabila menghadapi pilihan raya negeri yang semakin hampir.

"Ini adalah penting untuk memastikan kestabilan politik dapat dipertahan dan agar kerajaan yang sama terus melaksanakan langkah-langkah memastikan kekayaan negara meningkat dan dinikmati oleh rakyat," katanya dalam ucapan dasarnya sebagai Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) pada Kongres ke-4 parti itu di sini hari ini.

Kongres itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini dalam rangka lawatan tiga hari ke Labuan dan Sabah mulai semalam.

Dompok berkata masyarakat Kadazandusun, iaitu tunggak kekuatan PDS, juga perlu menyokong terus BN bukan sahaja bagi memastikan masyarakat itu tidak terpinggir dari arus utama pembangunan negara tetapi juga bagi menjamin kekukuhan perpaduan rakyat menerusi payung BN.

Katanya masyarakat Kadazandusun tidak boleh membiarkan diri mereka dibuai dengan sentimen sempit yang cuba ditiup pembangkang kerana hanya BN yang terbukti adil dan boleh membela nasib masyarakat di Malaysia.

Katanya, dalam tempoh empat tahun lepas, PDS telah melaksanakan pelbagai program ke arah itu dan ini termasuk penubuhan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun (KCCI), Yayasan Bahasa Kadazandusun Sabah (KLF) dan beberapa jaringan institusi sosio-ekonomi untuk masyarakat itu.

Dompok mengingatkan rakyat Sabah agar tidak terlalu mengutamakan perjuangan meminta agar jawatan ketua-ketua jabatan Persekutuan di Sabah diberikan kepada anak tempatan kerana yang lebih penting ialah sumbangan positif terhadap pembinaan negara.

"Penyertaan anak Sabah dalam perkhidmatan awam persekutuan itu memang penting apatah lagi jika mereka layak menjawat jawatan ketua jabatan, namun apakah jawatan ketua jabatan itu begitu kritikal sehingga kita lupa dengan soal keberkesanan dan prestasi kerja?," katanya.

Dalam hal ini, katanya, sistem perwakilan berganda yang diasaskan Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu dan terus diamal BN sekarang, terbukti boleh menjamin suara semua kaum didengar dan dipertimbang dalam forum parti dan kerajaan BN.

Katanya berbanding sistem Perikatan sebelumnya, di bawah sistem perwakilan berganda, sesuatu kaum tidak lagi semestinya diwakili oleh satu parti sahaja dalam BN, dan oleh itu kepentingan kumpulan tertentu mengikut latar belakang sosio-ekonomi dan agama terus dipelihara menerusi politik perundingan.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa antara sebab tumbanganya beberapa kerajaan BN di Sabah sebelum ini (seperti USNO-SCA dan Berjaya) ialah kegagalan melaksanakan dengan adil konsep perkongsian kuasa antara kaum sehingga semakin menonjolnya perasaan tersisih di kalangan kaum tertentu.

Katanya dalam konteks Sabah yang mempunyai banyak parti politik, parti-parti komponen BN harus peka mencerna aspirasi kaum atau golongan tertentu agar perasaan tersisih itu tidak menular dan akhirnya menjadi

terlambat untuk menyelamatkan sesebuah institusi politik yang berguna.

"Sehubungan ini setiap parti komponen BN harus mengambil inisiatif menjelaskan kepada anggota masing-masing tentang sejarah, konsep, prinsip, falsafah perjuangan, piagam dan wawasan BN," katanya.

-- BERNAMA

KG AKD